

SIARAN MEDIA PERJUMPAAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM BERSAMA CUEPACS 1 NOVEMBER 2013

PASUKAN KOMUNIKASI
Jabatan Perkhidmatan Awam
1 November 2013



SIARAN MEDIA PERJUMPAAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM BERSAMA CUEPACS 1 NOVEMBER 2013

81 SKIM PERKHIDMATAN AWAM DINAIK TARAF

PUTRAJAYA 1 Noveber 2013 – Berikutan daripada pembentangan Baget 2014 YAB Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan seperti yang diumumkan oleh YBhg Tan Sri Dr. Ali Hamsa Ketua Setiausaha Negara, baru-baru ini.. **Penambahbaikan kepada 81 skim perkhidmatan awam akan dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang melibatkan 613,732 penyandang.** Penambahbaikan ini merupakan salah satu Teras Transformasi Perkhidmatan AwamPerlaksanaannya adalah bersesuaian dengan setiuasi semasa agar perkhidmatan awam kekal relevan bagai mencapai hasrat Kerajaan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju, nependapatan tinggi menjelang tahun 2020.

“ Kajian terhadap 81 skim-skim perkhidmatan awam berkenaan telah dilaksanakan secara rundingan di antara JPA, Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan, CUEPACS dan Kesatuan/Persatuan tiga(3) Majlis Bersama Kebangsaan iaitu ahli Majlis Bersama

Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Pengurusan dan Profesional (MBK P&P), ahli Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Sains dan Teknologi (MBK S&T) dan ahli Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Am (MBK Am) agar penambahbaikan skim perkhidmatan tersebut mendapat persetujuan pihak kata YBhg Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam selepas pertemuan khas bersama pihak CUEPACS pada hari ini.

Pihak CUEPACS telah menyambut baik usaha Kerajaan ini dan bersedia untuk turut sama dalam program turun padang JPA ke seluruh negara bagi memberi taklimat tentang pelaksanaan ini, CUEPACS juga berpendapat bahawa masnya adalah amat sesuai serta dapat melonjakkan lagi kredibiliti penjawat awam.

“Berikutan pendapat 81 skim perkhidmatan ini, maka Kerajaan berjaya mengurangkan bilangan skim perkhidmatan sedia ada dari **274 kepada 249 pada 1 Januari 2014**’ kata **Zabidi lagi**.

Selain dari CUEPACS, JPA juga akan mengadakan satu taklimat khas bagi memberi taklimat tentang pelaksanaan penambahbaikan ini pada **4 November 2013** kepada Ketua Perkhidmatan yang terlibat, ahli-ahli MBK S&T dan MBK Am serta kesatuan-kesatuan perkhidmatan yang berkaitan.

Skim-skim perkhidmatan awam yang telah sedia untuk dilaksanakan adalah :

- a) **Pengubalan skim perkhidmatan baharu iaitu Pensyarah Farmasi** bagi menarik bakat dan calon terbaik untuk menyertai profesion ini serta memastikan laluan kemajuan kerjaya Penyarah Farmasi standing dengan Pegawai Farmasi di Kementerian Kesihatan Malaysia.
- b) **Kenaikan taraf skim perkhidmatan Gred 1 – Gred 10 kepada Gred 11** berikutan penetapan kelayakan masuk minimum ke dalam perkhidmatan awam adalah Penilaian Menengah Rendah (PMR)

c) **Pengabungan 19 skim perkhidmatan kepada 7 skim perkhidmatan** dengan tujuan mengembangkan kepakaran/kemahiran yang perbagai penambahbaikan peluang kemahuan kerjaya dan mobility pegawai.

Contoh pengabungan:

Tukang K1 Gred R17,R24	=	Pembantu Kemahiran
Tukang K2 Gred R11, R22		Gred H17,H22, H26
Tukang K3 Gred R9, R14		

d) **Pengabungan 9 skim perkhidmatan kepada 5 skim perkihmatan** bagi menambahbaik peluang kemajuan kerjaya berasaskan kesinambungan perkhidmatan:

Contoh:

- Pembantu Veterinar = Pembantu Veterinar/
- Penolong Pegawai Veterunar = Penolong Pegawai Veterinar

e) **Pindaan perbekalan 25 skim perkhidmatan** seperti nama skim perkhidmatan, nama dan kod klasifikasi perkhidmatan, perubahan lapisan gred jawatan, pindaan syarat-syarat kelayakan masuk, perubahan syarat dalam pengesahan perkhidnatan, perubahan syarat kenaikan pangkat, peruntukan kenaikan pangkat ke kumpulan pengurusan tertinggi, perubahan terma dan syarat umur Peningkatan Secara Lantikan (PSL) dan peruntukan Syarat Indeks Jisim Badan (BMI)/ peruntukan syarat fizikal.

f) **Penjumudan 7 skim perkhidmatan** Juruteknik, Juruteknik Ukur dan Pembantu Pertanian bagi mengurangkan lapisan penyelia dalam organisasi.

PASUKAN KOMUNIKASI

Jabatan Perkhidmatan Awam

1 November 2013